Apabila seorang hamba sakit atau dalam perjalanan, maka akan dicatatkan untuknya (pahala) seumpama amalan yang biasa dilakukannya ketika dia menetap dan sihat

Daripada Abu Musa al-Asy'ari رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: «Apabila seorang hamba sakit atau dalam perjalanan, maka akan dicatatkan untuknya (pahala) seumpama amalan yang biasa dilakukannya ketika dia menetap dan sihat».

[صحيح] [رواه البخاري]

Nabi صلى الله عليه وسلم mengkhabarkan tentang kurnia dan rahmat Allah, bahawa apabila seorang Muslim yang lazim melakukan suatu amalan soleh ketika sihat dan bermukim, kemudian dia mendapat keuzuran lalu jatuh sakit sehingga tidak mampu melakukannya, atau sibuk kerana bermusafir, atau sebarang keuzuran lain; maka dicatatkan untuknya pahala yang sempurna, sepertimana jika dia melakukannya ketika sihat dan bermukim.

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/3553

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY
لجنة الدعوة الإلكترونية
EDC E-Da'wah Committee